

# Kejohanan Bola Jaring Terbuka USIM 25 Julai

PUSAT Sukan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) akan menganjurkan Kejohanan Bola Jaring Terbuka USIM 2009 pada 25 hingga 26 Julai ini di kampus induknya di Nilai, Negeri Sembilan.

Kejohanan yang julung kali dianjurkan itu turut mendapat kerjasama dan sokongan daripada Majlis Sukan Negeri Sembilan (MSNS).

Penganjur menyasarkan 60 pasukan akan beraksi pada kejohanan

tersebut yang dibahagikan kepada tiga kategori.

Hadiah wang tunai berjumlah RM6,000 akan menjadi rebutan pasukan yang bersaing kelak.

Kategori yang bakal dipertandingkan ialah Bawah 18 tahun (sekolah menengah), Bawah 21 tahun (Terbuka IPT) dan Terbuka Wanita.

Johan bagi kategori bawah 18 tahun bakal menerima RM500 dan pingat, naib johan RM300 semen-

tara tempat ketiga dan keempat akan membawa pulang wang tunai RM200 dan RM100

Bagi kategori IPT dan Terbuka, johan bakal membawa pulang RM1,000, naib johan RM700 sementara tempat ketiga dan keempat masing-masing akan menerima RM500 dan RM400.

Menurut Pegawai Sukan Pusat Sukan USIM, Nur Ekmal Buhary, kejohanan ini merupakan sebahagian

daripada agenda penting USIM untuk melatih mahasiswa di kalangan Urus Setia Sukan dan Rekreasi Pelajar untuk mengelolakan kejohanan bertaraf kebangsaan.

Katanya, di samping itu ia juga bertujuan mempromosikan USIM sebagai IPT yang aktif menyokong aktiviti bercorak kesukanan.

Selain itu, kejohanan ini dilihat menjadi medan untuk menyokong

pembangunan sukan bola jaring pada peringkat akar umbi.

Molten bakal menjadi penaja bagi membantu menjayakan kejohanan tersebut termasuk menyumbang peralatan dan bola yang bakal menjadi bola rasmi kejohanan.

Bagi pasukan yang berminat, boleh menghubungi unit Sukan USIM di talian 06-7986132/6134 atau Saleza 016-5486433, Farhana (019-3689902) dan Munirah ditalian 019-3676304.